

Penyelidik Kuktem cipta enjin mesra alam

↑ R D

S EKUMPULAN penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Kuktem) berjaya mencipta enjin dua lejang berkonsep modular sesuai untuk pelbagai guna dan mesra alam.

Ketua kumpulan itu, Prof Madya Dr Rosli Abu Bakar, berkata hasil penyelidikan selama setahun itu berfungsi seperti enjin lejang biasa tetapi berupaya menjana tenaga lebih tinggi.

"Untuk menghasilkan tenaga tinggi, udara masuk ke dalam enjin melalui penapis yang terdapat di injap sehalu terus ke kebuk engkol.

"Dengan itu ombok bergerak dari 'top dead centre' hingga 'bottom dead centre' menyebabkan udara terperangkap dalam kebuk engkol termampat. Setelah itu, 'intake port' terbuka dan udara termampat akan memasuki kebuk pembakaran.

"Disebabkan reka bentuk 'intake port' yang dihasilkan dalam penyelidikan ini, gas ekzos ditolak dari

satu penjuru ke penjuru lain menerusi proses dinamakan 'diagonal scavenging'," katanya.

Malah, katanya, apabila penolakan gas ekzos disempurnakan, kandungan udara bersih dalam gebok akan meningkat menjadikan pembakarannya lebih agresif.

Beliau menjelaskan enjin itu sesuai untuk pelbagai fungsi, antaranya pam air, traktor dan kereta berkuasa kecil, generator mudah alih, jentolak kecil, mesin pembacuh simen dan kenderaan utiliti.

“Keunikannya pada kaedah penolakan udara termampat menyebabkan aliran gas ekzos lebih sempurna berbanding enjin biasa”

Prof Madya Dr Rosli Abu Bakar
Ketua kumpulan penyelidik



HASIL CIPTAAN: Dr Rosli (dua dari kanan) bersama ahli kumpulanya menunjukkan enjin dua lejang mesra alam ciptaan mereka digunakan untuk go-kart.